

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(11)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 11 TAHUN 2017**

Tarikh : 22 November 2017 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.30 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 11/2017 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

2.1 PROGRAM BACK TO SCHOOL MPSJ 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Back To School MPSJ 2017**. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan membeli barangan keperluan persekolahan.

Pengagihan bantuan secara terus kepada penerima bantuan yang benar-benar layak iaitu terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah bagi persediaan persekolahan tahun hadapan.

Setiap JKP akan menerima baucar bernilai RM 100.00 untuk 50 orang penerima sumbangan (RM100.00 x 50 orang x 24 JKP) dan baucar akan diserahkan kepada JKP pada bulan November untuk diserahkan kepada penerima yang layak.

Maklumat program adalah seperti berikut:

a)

Tarikh : 23 November 2017 (Khamis)

Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi

Tempat : Pasaraya Mydin, USJ 1

b)

Tarikh : 26 November 2017 (Ahad)

Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari

Tempat : Pasaraya Besar LULU, Kuala Lumpur

2.2 PROGRAM PERJUMPAAN AWAM PERBANDARAN (TOWN HALL MEETING) MPSJ 2017 BIL 04/2017

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Perjumpaan Awam Perbandaran (Town Hall Meeting) MPSJ Bil 04/2017** pada **9 Disember 2017**

(Sabtu) bermula jam 6.30 pagi – 12.00 tengah hari bertempat di Stadium MPSJ Serdang Jaya.

Program pada kali ini berbeza berbanding sebelumnya kerana buat pertama kalinya Program Kayuhan Hidup Sihat MPSJ serta Fiesta Sarapan Pagi MPSJ akan digabungkan bagi memeriahkan lagi program ini.

Pelbagai acara telah disusun bagi pengisian program untuk seisi keluarga. Berikut adalah aktiviti yang telah dirancang di antaranya seperti berikut :

- Program Kayuhan Hidup Sihat MPSJ 2017
- Program Bual Bicara Bersama Ikon Berbasikal – Encik Anuar Manan
- Program Town Hall Meeting MPSJ Bil 04/2017 bersama Agensi Kerajaan.
- Program Bua Bicara Bersama Ikon – Encik Kamal Affendi Bin Hashim
- Pertandingan Mewarna Untuk Kanak-kanak
- Fiesta Sarapan Pagi
- Booth Jualan Aksesori Basikal Amskins
- Pameran : Askar Wataniah, Syarikat Modenas dan F&N Beverenges

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

2.3 KARNIVAL SUKAN BUKIT KUCHAI SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PADANG BUKIT KUCHAI DAN SAMBUTAN ULANGTAHUN MPSJ KE-20

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Karnival Sukan Bukit Kuchai Sempena**

Majlis Perasmian Padang Bukit Kuchai dan Sambutan Ulangtahun MPSJ Ke 20.

Program ini bertujuan untuk memperkenalkan Padang Bukit Kuchai sebagai salah satu tempat kemudahan sukan dan riadah kepada penduduk setempat khususnya masyarakat disekitar kawasan Bukit Kuchai. Untuk makluman, padang ini telah dinaiktaraf bermula 1 Mei 2017 hingga 31 Julai 2017 dan telah dibuka untuk kegunaan awam pada 1 Ogos 2017.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 9 Disember 2017 (Sabtu)

Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang

**Tempat : Padang Bolasepak MPSJ,
Bukit Kuchai, Puchong**

Antara aktiviti yang akan dijalankan semasa karnival tersebut ialah bola keranjang 3 on 3 terbuka (lelaki dan wanita), *soccer kids* (bawah 9 tahun dan 12 tahun), sukan rakyat dan pertandingan mewarna.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan karnival ini.

**2.4 PERTANDINGAN RENTAK *BUSKERS* MPSJ 2017
SEMPENA ULANGTAHUN MPSJ KE-20**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Pertandingan Rentak *Buskers* MPSJ 2017
Sempena Ulangtahun MPSJ Ke 20** seperti maklumat berikut:

Tarikh : 16 Disember 2017 (Sabtu)

Masa : 8.30 malam – 11.00 malam

Tempat : Kompleks 3K, SS13 Subang Jaya

Pertandingan ini adalah pertama kali dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi mencungkil bakat-bakat baru

dalam persembahan muzik *Buskers* masyarakat setempat dan Malaysia.

Program ini juga dapat membantu mempromosikan Program *Food Truck* dan *Car Boot Sale* yang sedang diadakan di Kompleks 3K SS13, Subang Jaya.

Sasaran peserta adalah seperti berikut:

- i. Penggiat *Buskers* dikawasan MPSJ dan Malaysia
- ii. Golongan belia dan remaja
- iii. Pelajar sekolah rendah / menengah
- iv. Pelajar IPTA / IPTS
- v. Penduduk dalam kawasan MPSJ

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan pertandingan ini.

2.5 PERTANDINGAN AUDIT ZON BERSIH JKP MPSJ 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Pertandingan Audit Zon Bersih JKP MPSJ 2017**. Objektif program adalah untuk mewujudkan kawasan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ yang bersih, cantik dan harmoni serta mementingkan sifat '*Go Green*' selaras dengan objektif Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Disamping itu, audit Zon Bersih ini juga dapat memupuk penglibatan dan kerjasama masyarakat didalam program-program anjuran JKP dan MPSJ.

Pada tahun ini, 4 Jawatankuasa Penduduk (JKP) telah dipilih untuk bertanding iaitu:

- a) JKP Zon 4 (Ir Izham bin Hashim)
- b) JKP Zon 10 (Encik Yap Kok Weng)
- c) JKP Zon 15 (Dr. Mahendran a/l V.Markandoo)
- d) JKP Zon 18 (Puan Kavitha a/p Chandragesen)

Terdapat 6 kriteria utama pemarkahan seperti berikut:

- a) Penganjuran Program Kemasyarakatan
- b) Pengurusan Inden JKP dan Peruntukan Zon Bersih
- c) Pemantauan Kebersihan Persekitaran
- d) Pemantauan Kesihatan Awam
- e) Dokumentasi
- f) Inovasi

Pertandingan Audit Zon Bersih ini akan dijalankan seperti maklumat berikut:

Tarikh : 16 Disember 2017 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.30 petang
**Tempat : JKP Zon 4, JKP Zon 10,
JKP Zon 15 dan JKP Zon 18**

2.6 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga minggu epid ke 46 tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan **4,801 kes demam denggi**. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 41% jika dibandingkan dengan bilangan kes minggu epid yang sama pada tahun lepas iaitu sebanyak 8,175 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi sehingga minggu epid ke 46 adalah berjumlah 1 iaitu seperti berikut:

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	0
2.	Seri Serdang	1
3.	Seri Kembangan	0
4.	Kinrara	0
JUMLAH		1

2.7 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM

Sehingga bulan Oktober 2017 sebanyak 96 Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan 5 sitaan kenderaan telah dilakukan. Sebanyak 48 NTK dikeluarkan di bawah Seksyen 4 (Kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), 29 NTK di bawah Seksyen 6 (Kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan 19 NTK di bawah Seksyen 12 (Kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPS) MPSJ 2007.**

2.8 PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH ISO 37001:2016

Majlis Perbandaran Subang Jaya amat komited dalam memastikan semua warga MPSJ dapat meningkatkan integriti dengan menghapuskan karenah birokrasi dan bekerja secara telus bagi memastikan produktiviti sistem penyampaian sentiasa berada di tahap yang unggul dengan mencegah segala bentuk perlakuan rasuah.

MPSJ telah menerima pelawaan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd bagi menyertai program perintis agensi kerajaan Malaysia bagi Skim Pensijilan ISO 37001:2016.

Pensijilan ISO 37001:2016 merupakan satu pengiktirafan terhadap kawalan sistem pencegahan rasuah bagi membantu organisasi melaksanakan sistem pengurusan efektif bagi mencegah, mengesan serta menangani rasuah di dalam sesebuah organisasi.

Selaras dengan usaha MPSJ ke arah *zero tolerance* dan komitmen serius MPSJ dalam menangani rasuah, MPSJ telah mengorak langkah dengan membangun dan melaksanakan manual, prosedur dan polisi pengurusan antirasuah. Pada 30 dan 31 Oktober MPSJ telah menghadapi penilaian audit bagi Pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah ISO 37001:2016.

Usaha keras dan komitmen yang ditunjukkan oleh warga MPSJ dalam membangunkan dan melaksanakan Sistem Pengurusan Antirasuah ini telah membuahkan hasil apabila MPSJ telah berjaya dan layak menerima **Pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah daripada pihak SIRIM QAS International Sdn.Bhd** pada Majlis Sirim Industri tahun 2017 yang telah berlangsung pada 10 November 2017.

2.9 ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSJ telah berjaya meraih kemenangan dalam **Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS)** yang telah berlangsung pada 9 hingga 12 Oktober 2017 bertempat di Foyer Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) anjuran Kerajaan Negeri Selangor.

Dua pasukan MPSJ telah layak ke sesi penilaian akhir AINS iaitu pasukan RM.COM dan Revenue dengan mempertaruhkan hasil inovasi IGPos dan e-Masspro.

Pasukan RM.COM dengan hasil inovasi IGPos telah dinobatkan sebagai pemenang kategori awam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan memperolehi hadiah kemenangan berjumlah RM 10,000.00 dan Anugerah Khas Produk Akhir Terbaik sebanyak RM5,000.00.

2.10 ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa wakil MPSJ iaitu **pasukan Revenue dengan hasil inovasi e-Masspro juga layak sebagai finalis di peringkat akhir Anugerah Inovasi Negara (AIN).**

Anugerah ini merupakan anjuran Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang telah berlangsung pada 14 hingga 16 Oktober di Technology Park Malaysia.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 10/2017

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 22 November 2017 (Rabu) disahkan dengan pindaan seperti berikut ;

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.1 & m/surat 16	Encik Pooi Weng Keong	Pindaan ke atas kertas kerja penyediaan Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 – Penemuan program publisiti awal yang telah	Beliau mencadangkan pertukaran status kawasan lapang di Jalan TK 5/46, Taman Kinrara, Puchong kepada tapak untuk pembinaan dewan. Beliau juga turut mencadangkan pertukaran status tapak stesen minyak

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			dibentangkan pada Mesyuarat Penuh Bil. 9/2017 bertarikh 27 September 2017	di Lot 65003, Taman Kinrara, Puchong kepada tapak untuk lot perniagaan. Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 21/2017 bertarikh 1 November 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 22/2017 bertarikh 15 November 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.3 & m/surat 12	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Permohonan Serentak Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan (Tambahan Ubahsuaian)	<p>Beliau meminta penjelasan pihak Majlis berhubung status terkini penyediaan garis panduan tambahan dan ubahsuai bangunan</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa perkara ini telah dibawa untuk perbincangan di peringkat Kerajaan Negeri dan kini sedang menunggu keputusan rasmi berhubung perkara tersebut.</p> <p>Sekiranya diluluskan garis panduan tersebut akan digunapakai diseluruh Selangor.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar & Jabatan Bangunan</p>
2.	Para 4.4 &	Encik Chang	Permohonan Kebenaran	Beliau meminta penjelasan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
	m/surat 13	Kim Loong, A.M.N.	Merancang Bagi Cadangan Meroboh Tempat Letak Kereta, Ballroom dan Restoran Japanese serta tambahan dua blok hotel suite 23 tingkat dan pengubahsuaian ke atas Hotel Grand Dorsett Di atas Lot 4224 dan Lot 4245, Jalan SS 12, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor untuk Mayland Vallant Sdn. Bhd.	mengenai status terkini pendengaran rayuan di Mahkamah Rayuan berhubung isu ini. <u>Maklumbalas</u> Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa Mahkamah Rayuan telah menetapkan 13 Disember 2017 untuk tarikh pendengaran rayuan oleh pihak defendan (Mayland Valliant Sdn. Bhd.) Tindakan : Jabatan Undang-Undang
3.	Para 5.6 & m/surat 27	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Permohonan Serentak Pelan Jalan dan Perparitan + Pelan Bangunan + Pelan Landskap – Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Dewan Komuniti (Awam) 1 Tingkat Bersama 1	Beliau memohon penjelasan mengenai entiti yang mengemukakan permohonan dan pihak yang bertanggungjawab menanggung kos pembinaan dewan komuniti ini. Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Tingkat Mezanine Yang Mengandungi 3 Buah Gelanggang Badminton Di Atas Lot 64393, Jalan Kinrara 5B, Bandar Kinrara, Selangor untuk I & P Group Sdn. Bhd.	

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 11/2017 bertarikh 8 November 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 9.1 & m/surat 17	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Isu yang dibangkitkan oleh Encik Wan Hock Leong mengenai prosedur bagi menyita barang-barang dan gantirugi sekiranya barang tersebut didapati rosak semasa di dalam	Beliau meminta penjelasan berhubung tuntutan gantirugi ke atas barang-barang sitaan yang rosak semasa di dalam simpanan pihak Majlis. <u>Maklumbalas</u> Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa barang-barang sitaan akan disimpan ditempat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			simpanan pihak Majlis	<p>penyimpanan dengan baik dan mengikut prosedur yang ditetapkan.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, sekiranya berlaku sebarang kerosakan pihak Majlis akan mempertimbangkan bayaran gantirugi.</p> <p>Tindakan : Jabatan Penguatkuasa</p>

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 11/2017 bertarikh 10 November 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.6 & m/surat 16	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Isu yang dibangkitkan oleh Encik Yap Kok Weng mengenai status / perkembangan terkini projek kawalan banjir dan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan IOI	Beliau memohon penjelasan mengenai tindakan yang dilaksanakan oleh pihak Prasarana bagi menyelesaikan isu-berbangkit dengan MPSJ

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Mall dan One Puchong	<p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa berdasarkan perbincangan bersama pihak Prasarana telah bersetuju untuk menyelesaikan semua isu-isu berbangkit tersebut secara berperingkat.</p> <p>Makluman</p>

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 11/2017 bertarikh 13 November 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/surat 4	TPr. Hj. Jaber bin Ami	Pemindahan Peruntukan Elaun Perjalanan Luar Negeri ke Geran Kecemerlangan MPSJ	Beliau mencadangkan agar peruntukan untuk Geran Kecemerlangan MPSJ ditambah.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju untuk menambahkan peruntukan bagi Geran Kecemerlangan MPSJ menjadi RM150,000.00 Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan Bil. 11/2017 bertarikh 14 November 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 9/2017 bertarikh 16 November 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 11/2017 bertarikh 17 November 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

6.1 KERTAS CADANGAN MENERIMAPAKAI SURAT EDARAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BERKAITAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) KALI KEDUA TAHUN 2017 JABATAN / AGENSI PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Puan Nik Zalina binti Megat Muda, Timbalan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerimapakai surat edaran Kerajaan Negeri Selangor berkaitan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) kali kedua tahun 2017 Jabatan / Agensi Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

6.2 NOTIS USUL

Notis Usul ini telah dicadangkan oleh Encik Chang Kim Loong, A.M.N., dan Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A. serta telah dibentangkan oleh Encik Chang Kim Loong, A.M.N., Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima perkara-perkara yang dikemukakan di dalam Notis Usul tersebut.

7.0 PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Disember 2017** akan diadakan pada **21 Disember 2017 (Khamis)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 22 November 2017

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(NIK ZALINA BINTI MEGAT MUDA),
Timbalan Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 3. | TPr. Hj. Jaber bin Ami. | - | " |
| 4. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 5. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 6. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 7. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 8. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 9. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 11. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 12. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 13. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A. | - | " |
| 14. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 15. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 16. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 17. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 18. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 19. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 20. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 21. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 22. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 23. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail Bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.

Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

7. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
8. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
11. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
14. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
15. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB
16. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
17. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
18. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
19. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh

Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Encik Azfarizal bin Abd Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
22. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
23. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
24. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
25. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
26. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
27. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
28. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
29. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
30. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
31. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
32. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin

Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan

33. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
34. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
35. Cik Hasniza binti Husin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
36. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
37. Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
38. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
39. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
40. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
41. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
42. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
43. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
44. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
45. Encik Mohd Fadhil bin Alos

Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam

46. Puan Nurnawwar binti Arpaai
Pegawai Perubatan Jabatan Kesihatan
47. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
48. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
49. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Jabatan Landskap
50. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
51. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napih
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
52. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
53. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
54. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
55. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
56. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
57. Puan Nurul Saadah binti Abdul Wahab
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

58. Cik Roshaira binti Rosly
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
60. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh
Penolong Pengarah, Jabatan COB
61. Cik Zamzamah binti Dato' Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Norawalia binti Shafiai
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan